

MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2025



KLANG FAST TRACK INDUSTRY

#CEPAT #MUDAH #TELUS #EFISIEN

PENAUNG

TPR. HJH YUSRINA BT MOHAMAD YUSOF

PENASIHAT

TPR. MOHD FAUZI BIN BURHAM

FASILITATOR

TPR. NORHAYATI BINTI MOHD LADZIM

AHLI KUMPULAN

MOHAMAD ZALIFF HAIKAL BIN MOHD ZAKI

DZULKHAIRIL BIN MOHAMAD MISKAN

AIDA SYAFIQAH BINTI SHAFOL SUKRI

MOHD SHARIL BIN HARUN

NUR SYAHIRA BINTI AZHEAR



[mbdklang_official](#)



www.mbdk.gov.my



MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG



[mbdklang_official](#)



ISI KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
	PENGENALAN KUMPULAN	i
	KETERANGAN PROJEK	i
1.0	PENGENALAN	1
2.0	OBJEKTIF PROJEK	2
3.0	LATAR BELAKANG PROJEK	2
4.0	JUSTIFIKASI PROJEK	3
5.0	PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN	5
6.0	PROSES PEMBANGUNAN INOVASI	5
6.1	FASA PERANCANGAN	5
6.2	FASA PELAKSANAAN	6
7.0	SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN	7
8.0	TINDAKAN PENYELESAIAN	8
9.0	OUTCOME PROJEK	9
10.0	IMPAK PROJEK	10
10.1	IMPAK PELAKSANAAN PROJEK YANG DIHASILKAN	11
11.0	PENEKANAAN ASPEK KELESTARIAN POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI	14
11.1	KELESTARIAN	14
12.0	PENGEMBANGAN INOVASI	14
13.0	PENGIKTIRAFAN	15
14.0	PENUTUP	15





PENGENALAN KUMPULAN

Nama Kumpulan	: E Fastries (Lampiran 1)
Nama Jabatan	: Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Nama Organisasi	: Majlis Bandaraya Diraja Klang, Lot No. 2-12 (1-B), Aras 1, Majlis Bandaraya Diraja Klang @ Jalan Raya Barat, 41000 Klang Bandar Diraja. Selangor Darul Ehsan.
No Telefon	: 03 – 3375 7850
No. Faks	: 03 – 3371 0690
E-mail	: kikefastries@gmail.com
Tarikh Penubuhan	: 5 Januari 2022
Bilangan Ahli	: 6 Orang
Penaung	: TPr. Hjh Yusrina Bt Mohamad Yusof
Penasihat	: TPr. Mohd Fauzi Bin Burham
Fasilitator	: TPr. Norhayati Binti Mohd Ladzim
Ketua Kumpulan	: Mohamad Zaliif Haikal Bin Mohd Zaki
Pen. Ketua Kumpulan	: Dzulkhairil Bin Mohamad Miskan
Ahli Kumpulan	: Mohd Sharil Bin Harun : Aida Syafiqah Binti Shaifol Sukri : Nur Syahira Binti Azhear

KETERANGAN PROJEK

Nama Projek	: Manual Permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' industri
Kategori Projek	: <i>Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) – Primer</i>
Keterangan Projek	: Merupakan inisiatif untuk mewujudkan satu manual prosedur atau proses kerja permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' industri yang mudah, cepat dan efisien serta memudahkan pemantauan permohonan Kebenaran Merancang bagi mengatasi isu kelewatan dan mengambil masa yang lama untuk memproses permohonan.
Penyataan Masalah	: Prosedur dan proses kerja semasa yang digunakan mengambil masa yang lama untuk kelulusan kerana perlu mendapatkan 12 ulasan jabatan teknikal sebelum permohonan diproses. Selain itu juga, permohonan Kebenaran Merancang tidak dapat dipantau dengan baik secara konsisten dan kesukaran untuk menyemak rekod-rekod permohonan. Pernyataan masalah melibatkan tiga (3) pihak iaitu:



Perunding	Invest Selangor Berhad (Agensi)	Majlis Bandaraya Diraja Klang (Organisasi)
i. Pihak perunding perlu menyediakan dokumen permohonan seperti permohonan – permohonan Kebenaran Merancang yang lain. ii. Keperluan untuk mendapatkan 12 ulasan jabatan teknikal bagi kelulusan Kebenaran Merancang Kawasan industri. iii. Proses kelulusan Kebenaran Merancangan yang mengambil masa yang Panjang iaitu 57 hari. iv. Pemilik tanah/ perunding perlu menunggu sehingga kelulusan Kebenaran Merancang (berasingan) selesai sebelum pelan-pelan pemajuan yang lain dikemukakan untuk kelulusan. v. Kesukaran membuat semakan status permohonan Kebenaran Merancang.	i. Tempoh mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang di kawasan industri yang terlalu Panjang. ii. Keperluan untuk mengadakan Mesyuarat Penyelaras Mesra Projek "Foreign & Domestic Investment" bagi menyelaraskan isu kelewatan mendapatkan ulasan jabatan teknikal bagi pelan pemajuan industri (permohonan kebenaran merancang).	i. Peningkatan permohonan industri di kawasan yang telah mempunyai "Master Plan" dan yang tidak mempunyai "Master Plan" ii. Keperluan untuk mendapatkan semua ulasan jabatan teknikal yang akan mengambil masa dan menyebabkan kelewatan memproses permohonan Kebenaran Merancang. iii. Keperluan untuk menghadiri Mesyuarat Penyelaras Mesra Projek <i>Foreign & Domestic Investment</i> yang diurusetikan oleh pihak Invest Selangor ekoran daripada isu kelewatan memproses permohonan Kebenaran Merancang di kawasan industri. iv. Keperluan untuk memantau permohonan Kebenaran Merancang industri bagi mengelakkan kelewatan.

1.0 PENGENALAN

Projek "**Klang Fast Track Industry**" merupakan satu inisiatif inovatif dalam sektor perkhidmatan awam yang diperkenalkan oleh **Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)**. Tujuan utama projek ini adalah untuk mempercepatkan serta mempermudah proses permohonan dan kelulusan Kebenaran Merancang bagi projek-projek perindustrian di kawasan Klang. Melalui inisiatif ini, tempoh pemprosesan **berjaya dipendekkan** daripada **57 hari** kepada hanya **14 hari**.

Sebelum pelaksanaan projek ini, tempoh proses adalah 57 hari dan proses kelulusan menghadapi kelewatan disebabkan keperluan mendapatkan **ulasan daripada 12 agensi teknikal** seperti Indah Water Konsortium (IWK), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Air Selangor dan lain-lain agensi teknikal yang berkaitan, yang sering kali menyebabkan kelewatan dan kelancaran dalam projek pembangunan sektor industri.

Klang sebagai salah satu **hab perindustrian utama** di Malaysia, berperanan penting dalam menyokong **pertumbuhan ekonomi negara**. Justeru itu, kecekapan dalam pengurusan dan kelulusan permohonan Kebenaran Merancang di kawasan ini amat kritikal dalam menarik pelaburan domestik dan asing, selain memastikan pembangunan industri yang mampan dan berdaya saing. Projek "**Klang Fast Track Industry**" digariskan bagi meningkatkan **keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam, mengurangkan kos pentadbiran, dan memperkukuh keyakinan pelabur serta pemaju** khususnya di Klang.



Inisiatif ini juga selaras dengan agenda pembangunan negara di bawah **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)** dan **Pelan Strategik Selangor 2025**, yang menekankan kepada pembangunan mampan, pertumbuhan ekonomi lestari, serta penggunaan teknologi pintar dalam tadbir urus bandar. Klang mensasarkan untuk muncul sebagai **Bandar Pelabuhan Pintar, Bandar Berdaya Saing, dan Bandar Rendah Karbon menjelang tahun 2030**. Maka itu, **sistem tadbir urus yang cekap, telus dan pantas** seperti yang ditawarkan melalui **“Klang Fast Track Industry”** amat penting bagi memastikan kelulusan projek perindustrian dapat dilaksanakan tanpa halangan serta menyokong pencapaian matlamat pembangunan jangka panjang.

2.0 OBJEKTIF PROJEK

- Mempercepatkan tempoh proses kelulusan bagi kawasan industri yang telah mempunyai pelan induk yang diluluskan dengan mengurangkan tempoh kelulusan daripada 57 hari kepada 14 hari.
- Mengurangkan kos pentadbiran bagi Jabatan Perancang Bandar dan MBDK di mana jumlah kakitangan dapat dikurangkan daripada 2 orang kepada 1 orang sahaja dan menjimatkan kos operasi.
- Tatacara proses kerja yang cekap dapat mengurangkan risiko integriti di kalangan kakitangan.
- Meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pelabur terhadap sistem pentadbiran MBDK yang seterusnya akan menarik lebih banyak pelaburan ke kawasan industri di Klang seterusnya memberi impak positif kepada ekonomi tempatan, negeri dan negara.
- Menyokong transformasi digital yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan dalam usaha membangunkan perbandaran yang lebih cekap, mesra pengguna, dan pantas dalam pengurusan pembangunan industri.
- Mewujudkan ekosistem yang mudah dan mesra perniagaan dan pelaburan (*ease of doing business*)



3.0 LATAR BELAKANG PROJEK

Klang mempunyai pelabuhan antarabangsa yang ke 10 tersibuk di dunia, permintaan tanah-tanah industri yang makin hari makin meningkat di Klang dan jumlah permohonan untuk kelulusan mendirikan kilang yang semakin bertambah, serta kemasukan pelabur asing yang semakin meningkat dan kelewatan memberikan kelulusan permohonan Kebenaran Merancang, menyedari keadaan ini MBDK telah memperkenalkan inisiatif ‘Klang Fast Track Industry’ sebagai satu usaha penambahbaikan prosedur kerja untuk mempercepatkan proses permohonan dan pemebaran kelulusan Kebenaran Merancang bagi pembangunan perindustrian.



Inisiatif yang diwujudkan adalah satu **Manual Prosedur Permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' Industri dan Sistem pemantauan (Self checking / self-tracking)** yang cepat, mudah, telus dan efisien dalam memastikan kelulusan diberikan untuk tempoh masa yang cepat bagi pembangunan perindustrian yang telah mempunyai plan induk yang diluluskan. Inisiatif yang disediakan ini telah dapat mengatasi isu kelewatan memproses dan meluluskan permohonan Kebenaran Merancang Pembangunan Industri daripada 57 hari kepada 14 hari.



4.0 JUSTIFIKASI PROJEK

i. Pelan Strategik Majlis Perbandaran Klang 2022 – 2026



Projek Sistem E Fastries adalah bertepatan dengan halatuju di dalam menyokong Pelan strategik Majlis Perbandaran Klang 2022 – 2026, mensasarkan visi untuk menjadikan 'Klang Bandaraya Diraja Dan Warisan Yang Mampan'

Teras 1 : Melaksanakan tadbir urus yang cekap dan berintegriti
Strategi : Membina dan menambahbaik tadbir urus bandar dan penyampaian perkhidmatan

ii. Rancangan Selangor Pertama 2021-2025

Rancangan Selangor Pertama 2021-2025 adalah selaras dengan 'Smart Governance' untuk menjadikan Kualiti Hidup Untuk Masyarakat Negeri Selangor.



iii. Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035



Projek inovasi ini signifikan dan menyokong kepada halatuju dan matlamat di dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (RSN). Dasar - dasar RSN 2035 digubal untuk mencapai matlamat RSN Negeri Selangor 2035 untuk menyediakan kerangka pembangunan iaitu ke arah Pembangunan wilayah bandar berkembang maju, wilayah bandar mampan dan wilayah bandar Makmur.

iv. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK 12)



AGENDA NASIONAL untuk merealisasikan halatuju Majlis "Klang Bandaraya Diraja Dan Warisan Yang Mampan" yang menepati Rancangan Malaysia Ke-12.

Bab 13 : Memperkukuh Penyampaian Dan Perkhidmatan Sektor Awam, menyatakan sektor awam perlu lebih cekap dengan mempercepatkan pendigitalan dan memupuk inovasi, selaras dengan keperluan untuk menyesuaikan dengan kebiasaan baharu.

v. Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)



Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* - SDGs). Terdapat 17 matlamat pembangunan mampan diperkenalkan menjadi rangka tindakan pembangunan mampan;

Di Bawah SDG: SDG1, SDG8, SDG9, SDG 11, SDG 13 dan SDG 17



vi. **Ekonomi MADANI : Memperkasa Rakyat**



vii. **Pelan Induk Perindustrian Baru (NIMP)**

NIMP merupakan projek yang akan memberi nafas baru dalam merencanakan hala tuju perindustrian negara bagi pertumbuhan fasa ekonomi negara seterusnya selaras dengan persekitaran global yang kian mencabar

viii. **Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Pemegang Taruh (Stakeholder)**

Projek inovasi ini dicadangkan adalah untuk memenuhi **kehendak pelanggan dan stakeholder (pemegang taruh)** dengan menambahbaik perkhidmatan bagi tujuan menjana ekonomi daerah Klang, Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan.

Mewujudkan ekosistem yang Mesra Perniagaan dan Pelaburan (Business Friendly)

Piagam: Memproses permohonan Kebenaran Merancang Pendirian bangunan industri secara 'Fast Track' dalam tempoh 14 Hari

- Meningkatkan hasil organisasi – keyakinan pelabur terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh organisasi akan meningkatkan jumlah pemain industri untuk membuat pelaburan baru atau tambahan di Daerah Klang.
- Peringkat Jabatan - Jabatan Dalam Majlis Bandaraya Diraja Klang. Projek inovasi ini akan mempercepatkan proses pelan-pelan pemajuan yang lain di Jabatan dalam MBDK seperti berikut: -

ix. **Peringkat Agensi**

a) **Malaysian Investment Development Authority (MIDA)**

Projek ini selaras dengan hasrat Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri yang bertujuan memudahkan urusan komuniti perniagaan dan pelabur dalam sektor perkilangan serta perkhidmatan, termasuk mempercepatkan proses kelulusan dan menyediakan khidmat rundingan serta nasihat untuk mengurangkan birokrasi dalam penyampaian perkhidmatan awam. Inisiatif ini juga mengumpulkan pelbagai kementerian, agensi kerajaan, dan kemudahan di bawah satu platform.

b) **Invest Selangor Berhad**

Kurang aduan / mesyuarat penyelarasan diadakan oleh pihak Invest Selangor bagi menangani masalah isu kelewatan proses Kebenaran Merancang.

x. **Pemilik Tanah**

- Dapat mempercepatkan proses kelulusan Kebenaran Merancang dalam tempoh 14 Hari.
- Meningkatkan keyakinan pelabur kepada perkhidmatan yang diberikan oleh organisasi Majlis Bandaraya Diraja Klang.
- Pelabur / pemain industri berminat membuat pelaburan baru / tambahan kepada pelaburan sedia ada.
- Mempercepatkan proses pelan-pelan pembangunan yang lain.

5.0 PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

Projek Manual Permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Tack' industri dan Sistem pemantauan Self Checking / Self tracking) bermula pada **Januari 2022** yang dibangunkan oleh Kumpulan E Fastries. Kumpulan E Fasries telah dipertanggungjawab untuk melaksanakan inovasi ini dan pembentukan kumpulan ini telah mendapat kelulusan daripada Pihak Pengurusan Majlis Bandaraya Diraja Klang. Projek ini telah diluluskan oleh pihak Pengurusan merujuk kepada mesyuarat seperti berikut:



Projek ini telah mendapat perhatian daripada pihak pengurusan Majlis Bandaraya Diraja Klang bagi mengatasi masalah kelewatan memproses Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan di kawasan industri untuk memastikan matlamat pihak pengurusan tercapai untuk memastikan proses secara cepat, mudah, telus dan efisien. Sokongan daripada pihak Pengurusan seperti:

- Surat pelantikan Ketua Kumpulan dan ahli Kumpulan seperti di **(Lampiran 1)**.
- Pemberian latihan dan kursus Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah dilaksanakan pada 16 - 17 Februari 2023. **(Lampiran 2)**



6.0 PROSES PEMBANGUNAN INOVASI


Proses pelaksanaan inovasi ini dilaksanakan secara 'In-House' apabila kumpulan E Fastries dibentuk iaitu bermula pada bulan Januari tahun 2022. Penghasilan **projek Manual Permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' industri** mengambil masa selama **16 minggu** bermula bulan Januari 2022 sehingga April 2022.

6.1 FASA PERANCANGAN

Kumpulan E Fastries telah menjalankan kajian yang terperinci bagi mengenalpasti masalah utama yang dihadapi semasa memproses permohonan dan pemberian kelulusan Kebenaran Merancang bagi pembangunan industri. Kumpulan telah mengadakan '**brainstorming**' dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk wakil industri, pemaju, agensi dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Perincian berkaitan perkara ini seperti di **lampiran 3**.



Pasukan E Fastries menggunakan Kaedah 'Design Thinking' untuk tindakan penyelesaian masalah. Kaedah Pemikiran Reka Bentuk (Design Thinking) adalah selaras dengan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016: Panduan Pembudayaan Dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.



Rajah 1.1: Design Thinking

Kaedah Pemikiran Reka Bentuk (Design Thinking) ini dipilih oleh kumpulan memandangkan ia merupakan satu tool yang holistik dan berupaya menghuraikan setiap perincian proses pelaksanaan e-Fast ini. Setiap fasa dalam kaedah ini dapat disinergikan untuk menjana idea ke arah penyelesaian permasalahan secara kreatif, praktikal dan efektif. Kaedah 'Design Thinking' ini merangkumi aspek E- Empathize, D-Define, I- Ideate, P-Prototype dan T-Test. Perincian berkaitan perkara ini seperti di **lampiran 4**.

6.2 FASA PELAKSANAAN

Proses pelaksanaan projek '*Klang Fast Track Industry*' ini dijalankan dalam beberapa peringkat utama seperti berikut:

a) Penambahbaikan Prosedur Kerja Permohonan Kebenaran Merancang

Perbincangan bersama 12 agensi teknikal berkaitan bagi mendapatkan ulasan dan kelulusan keperluan teknikal iaitu keperluan kemudahan infrastruktur dan utiliti telah diadakan terlebih dahulu. Di dalam peringkat fasa pelaksanaan ini dibuat bertujuan mendapatkan kelulusan jabatan teknikal bagi pengecualian ulasan jabatan teknikal bagi projek industri di kawasan yang telah mempunyai plan induk semasa permohonan dibuat dan proses kerja dapat disingkatkan. Perincian berkaitan perkara ini seperti di **lampiran 5**.

b) Penghasilan Manual Permohonan Pelan Pembangunan '*Fast Track*' skim industri, Majlis Bandaraya Diraja Klang

Kajian dan penilaian dibuat terhadap proses kerja yang sedia ada dan mengenalpasti punca kelewatan. Kumpulan telah menghasilkan Manual Permohonan Pelan Pembangunan '*Fast Track*' industri. Di dalam peringkat fasa pelaksanaan ini, Manual Permohonan Pelan Pembangunan '*Fast Track*' skim industri ini diwujudkan bertujuan memastikan proses kerja lebih cepat, mudah, telus dan efisien di dalam memproses dan memberikan kelulusan terhadap permohonan Kebenaran Merancang pembangunan industri. Perincian berkaitan perkara ini seperti di **lampiran 6**.

c) Integrasi Sistem Digital

Untuk meningkatkan mutu kecekapan, pihak MBDK menyambut baik penggunaan teknologi terkini yang mudah diakses pada bila-bila masa dan dimana-mana sahaja. Oleh yang demikian, projek ini telah dirangka dengan penggunaan software ArcGis. Dalam peringkat pelaksanaan ini pemilik tanah/ perunding boleh mengakses maklumat berkenaan permohonan dengan cepat dan mudah tanpa perlu melalui kaedah secara konvensional dengan kaedah datang ke kaunter jabatan, panggilan telefon atau menunggu surat kelulusan yang dikeluarkan oleh MBDK tetapi boleh terus menyemak permohonan melalui system pamantauan '*self-checking / self-tracking*' yang telah disediakan. Perincian berkaitan perkara ini seperti di **lampiran 7**.



d) Pengujian dan penambahbaikan

Pelan tindakan pembangunan projek dari peringkat penyediaan lakaran sehingga tindakan susulan dan penambahbaikan telah dirangka seperti dalam Jadual di bawah:-

Jadual 1.1 : Jadual Carta Perbatuan Pelan Tindakan Pembangunan Inovasi

AKTIVITI	PERANCANGAN	TAHUN	2022															
	SEBENAR	BULAN	JAN				FEB				MAC				APRIL			
	AKTIVITI	MINGG U	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
DO	MENYEDIAKAN LAKARAN PROJEK																	
	MENYEDIAKAN PELAN SPESIFIKAS PROJEK																	
	UJICUBA KUMPUL DATA																	
	PENAMBAHBAIKAN																	
CHECK	PEMANTALAN																	
	(PENILAIAN AGENSI) ANALISA IMPAK																	
ACTION	TINDAKAN PENYERAGAMAN																	
	TINDAKAN SUSULAN																	

7.0 SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas terhadap kesan pelaksanaan projek ini dijalankan, berikut adalah sebelum dan selepas pelaksanaan projek “Klang Fast Track Industry”:

Sebelum pelaksanaan projek ini, data menunjukkan bahawa proses kelulusan Kebenaran Merancang mengambil masa sehingga **57 hari**, yang memerlukan ulasan daripada **12 jabatan teknikal**.

Bagi mengatasi masalah kelewatan dan ketirisan integriti dalam memproses permohonan, “Klang Fast Track Industry” telah dicadangkan agar tempoh masa dapat disingkatkan dan prosedur kerja lebih mudah dan sistematik. Ianya sekaligus memberi impak ‘value of money’, penyelesaian pintar berintegrasikan teknologi digital bagi mewujudkan nilai tambah baru dalam pelaksanaan kerja harian di Jabatan Perancang Bandar khususnya dan di Majlis Bandaraya Diraja Klang amnya. Kos pentadbiran juga tinggi kerana ia memerlukan penglibatan dua (2) orang pekerja dalam satu kawasan sepenuh masa untuk mengendalikan permohonan, yang menelan belanja **RM4,800.00** setiap bulan.

Setelah projek “Klang Fast Track Industry” ini dilaksanakan, tempoh masa pemprosesan berjaya dikurangkan kepada **14 hari**

Pengecualian ulasan teknikal telah mengurangkan kos pentadbiran, di mana hanya 1 orang pekerja diperlukan untuk mengendalikan proses ini, menjimatkan kos sebanyak **RM2,400.00** setiap bulan.

Carta 1.1: Carta Alir proses kerja sebelum dan selepas





Majlis Bandaraya Diraja Klang, telah mewujudkan satu garis panduan **Manual Permohonan Pelan Pembangunan ‘Fast Track’ Skim Industri, Majlis Bandaraya Diraja Klang**, sebagai panduan jelas kepada pemilik tanah/pemaju projek/ perunding mengenai proses yang perlu dilalui, dokumen yang diperlukan, panduan tatacara permohonan, terdapat senarai semak yang wajib dikemukakan semasa mengemukakan permohonan serta tempoh masa jangkaan kelulusan.



Manual Penggunaan Sistem Permohonan Pelan Pembangunan ‘Fast Track’ Skim Industri, Majlis Bandaraya Diraja Klang juga telah diwujudkan sebagai pemudahcara proses pelaksanaan memasukkan dan pengemaskinian data oleh pengguna. Pelaksanaan projek **“Klang Fast Track Industry”** ini menjadikan proses kerja lebih cepat, mudah dan efisien. **“Klang Fast Track Industry”** ini terbukti efisien dari segi masa, kos, peningkatan hasil pendapatan Majlis dan ekonomi tempatan Daerah Klang, Negeri Selangor dan Malaysia. Data juga menunjukkan peningkatan dalam bilangan permohonan yang berjaya diproses iaitu:-

- i. Daripada 19 permohonan kepada 199 permohonan, yang menunjukkan peningkatan lebih daripada sasaran (133 permohonan).
- ii. Peratus peningkatan mencapai 67% daripada tahun penanda aras (19 permohonan/tahun 2022).

Projek **“Klang Fast Track Industry”**, telah mewujudkan prosedur kerja dan penetapan sasaran kerja baharu dan telah mendapat pengesahan Akuan Pelaksanaan Projek daripada YBhg Datuk Bandar Majlis Bandaraya Diraja Klang.

8.0 TINDAKAN PENYELESAIAN

Proses pelaksanaan utama projek **“Klang Fast Track Industry”** ini memfokuskan kepada Tindakan penyelesaian yang menghasilkan perkara ‘core’ dalam pelaksanaan seperti berikut:

- 1. Penambahbaikan Proses Prosedur Kerja Permohonan Kebenaran Merancang:**
Penyelarasan bersama 12 jabatan teknikal bagi mendapatkan kelulusan untuk pengecualian ulasan teknikal bagi Kawasan-kawasan industri yang mempunyai pelan induk/ *master plan*.
- 2. Penghasilan Manual Permohonan Pelan Pembangunan ‘Fast Track’ Skim Industri, Majlis Bandaraya Diraja Klang:**
Penghasilan manual ini bagi mengatasi masalah kelewatan dan ketelusan dalam memproses permohonan. Manual ini memberi **panduan jelas kepada pemaju projek mengenai proses yang perlu dilalui, dokumen yang diperlukan, serta tempoh masa jangkaan kelulusan**. Pelaksanaan proses kerja lebih cepat, mudah, telus dan teratur semasa proses Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan di kawasan industri, Majlis Bandaraya Diraja Klang.

3. Integrasi Sistem Digital:

Sebagai sebahagian daripada usaha MBDK untuk memodenkan perkhidmatan awamnya, teknologi **ArcGIS** telah diperkenalkan dalam proses permohonan Kebenaran Merancang. Fasa pelaksanaan ini dibuat **bertujuan memudahkan pemantauan dibuat sekaligus mengatasi masalah kelewatan dan ketelusan dalam memproses permohonan**. Teknologi ini membolehkan data dan pelan pembangunan dipantau secara digital, di mana pemohon dapat memuat naik dokumen serta memantau status permohonan mereka secara dalam talian.

4. Pengujian dan Penambahbaikan:

Sebelum pelaksanaan projek ***“Klang Fast Track Industry”*** ini digunapakai secara rasmi, beberapa **uji cuba 1** telah dijalankan dari **1 November 2022 sehingga 8 November 2022** dan uji cuba kedua telah dilaksanakan pada **2 Januari 2023 sehingga 12 Januari 2023**. Hasil uji cuba ini menunjukkan bahawa masa pemrosesan dapat dikurangkan dengan ketara, namun beberapa penambahbaikan perlu dilakukan, termasuk memperbaiki pengintegrasian sistem dengan jabatan teknikal lain seperti TNB dan Air Selangor.

Bagi tujuan penambahbaikan juga, Kumpulan telah melaksanakan kajian lapangan (soal selidik awam) yang melibatkan lebih kurang 50 orang responden. Ianya bertujuan untuk mendapatkan pandangan secara jelas bagi membuat penambahbaikan.

Lampiran 8.

Jadual 1.2: Carta Perbatuan Penghasilan Projek

[illegible]

9.0 OUTCOME PROJEK

Kelebihan pelaksanaan projek “**Klang Fast Track Industry**” ini memberi banyak kesan yang positif kepada pihak Mailis dalam mencapai beberapa sasaran utama antaranya ialah:

- ✓ **Tempoh masa pemprosesan:** Dikurangkan daripada 57 hari kepada 14 hari, menjadikan proses cepat, mudah, telus lebih efisien dan selari dengan matlamat pembangunan ekonomi Negeri Selangor.



- ✓ **Peningkatan hasil:** Pendapatan hasil daripada permohonan perindustrian dan cukai pembangunan meningkat daripada **RM83 juta** pada tahun 2022 kepada **RM94 juta** pada tahun 2023, menunjukkan peningkatan sebanyak **11%**.
- ✓ **Penjimatan kos:** Dengan pengurangan bilangan pekerja daripada dua orang kepada seorang, kos pentadbiran berjaya dikurangkan sebanyak **67%**, yang membawa kepada penjimatan sebanyak **RM9,600** sebulan atau **RM115,200** setahun.
- ✓ **Meningkatkan mutu perkhidmatan** yang **Cepat, Mudah, Telus dan Efisien** dengan mesra pengguna secara efisien terhadap pihak pemohon dan pelabur
- ✓ Mewujudkan satu inisiatif '**ease of doing business**' kepada pelabur tempatan dan pelabur asing.

Jadual 1.3 : Sasaran Outcome Selepas Projek

PERKARA	SEBELUM PROJEK (TAHUN 2022)	SASARAN/ JANGKAAN OUTCOME	OUTCOME SELEPAS PROJEK	PEMBUKTIAN
Tempoh masa permohonan Kebenaran Merancang	57 Hari	30 Hari	14 Hari	Berjaya mengurangkan tempoh masa 100%
Jumlah permohonan yang diproses secara fast track	19	133	199	Peningkatan permohonan sebanyak 67% dari sasaran outcome.
Proses kerja yang terlibat (Ulasan Jabatan Teknikal)	12 Agensi	Dikecualikan	Dikecualikan	Ulasan agensi teknikal dikecualikan
Mengurangkan bilangan pekerja	6 Orang Pekerja	4 Orang Pekerja	2 Orang Pekerja	Pengurangan Pekerja Teknikal Kepada 2 Orang Pekerja (dibahagikan kepada 2 kawasan utara dan Selatan)
Mengurangkan kos gaji pekerja	RM 14,400	RM 9,600	RM 4,800	Berjaya mengurangkan kos gaji pekerja 67%
Pendapatan jabatan penjualan manual	-	1 Manual RM 100	1 Manual RM 100	199 permohonan (RM 19,900)
Fi Permohonan Kebenaran Merancang	-	133 permohonan	199 permohonan (1/Permohonan RM1819.00)	199 x RM1819.00 (RM361,981.00)
Pendapatan Majlis Bandaraya Diraja Klang	RM 83 Juta	RM 90 Juta	RM 94 Juta (2023) RM 98 Juta (2024)	Berjaya meningkatkan hasil Majlis berjumlah RM 11 Juta hingga RM 15 Juta

10.0 IMPAK PROJEK

1 ORGANISASI

Projek "**Klang Fast Track Industry**" di kawasan Majlis Bandaraya Diraja Klang memberi kesan positif kepada pihak Majlis dalam meningkatkan imej PBT untuk sentiasa memastikan mutu perkhidmatan dapat disampaikan dengan cemerlang

2 STAKE HOLDER

Sokongan dan pengiktirafan terhadap Manual Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Industri Secara "Fast Track" di kawasan Bandaraya Diraja Klang oleh pihak **Datuk Bandar MBDK, Invest Selangor dan MIDA** yang memainkan peranan penting dalam menambahbaik sektor perindustrian di Negeri Selangor khususnya di Daerah Klang

3 KEADAAN & EKOSISTEM SEMASA

Penghasilan projek ini telah dibangunkan secara **in-house** sekaligus dapat mengurangkan kos perbelanjaan oleh pihak jabatan dan seterusnya dapat mengetengahkan usaha serta idea kakitangan dalam memberi cadangan dan inovasi.

10.1 IMPAK PELAKSANAAN PROJEK YANG DIHASILKAN

Hasil daripada inovasi projek **“Klang Fast Track Industry”** yang dihasilkan mendapati banyak memberi kesan besar kepada pentadbiran dan ekonomi setempat khususnya di Daerah Klang. Antara kelebihan yang didapati adalah dapat meningkatkan kecekapan pentadbiran pihak Majlis serta menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor industri di Klang. Berikut adalah antara elemen keberkesanan yang memberi impak dari inovasi yang dihasilkan: -

❖ **Peningkatan Penyampaian Perkhidmatan**

Tempoh Masa pemprosesan: masa pemprosesan berjaya dikurangkan daripada 57 hari kepada **14 hari** melalui projek **“Klang Fast Track Industry”**. **Pengecualian keperluan ulasan teknikal** bagi kawasan yang telah diluluskan pelan induknya membolehkan proses ini diselesaikan dengan lebih cepat dan efisien.



❖ Peningkatan Produktiviti

Peningkatan bilangan permohonan Kebenaran Merancang Fast Track Industri daripada **19 permohonan pada tahun 2022 kepada 199 permohonan pada tahun 2025. Peningkatan permohonan sebanyak 67%.**

Jadual 1.4: Jumlah Peningkatan Permohonan Kebenaran Merancang seperti berikut:-

Bil.	Tahun	2022	Sasaran / Jangkaan Outcome	Outcome Selepas Projek									
1.	Jumlah Permohonan Kebenaran Merancang Secara Fast Track Industri	19	133	199	<table><caption>Jumlah Permohonan Kebenaran Merancang Secara Fast Track Industri</caption><thead><tr><th>Tahun</th><th>Jumlah Permohonan</th></tr></thead><tbody><tr><td>2022</td><td>19</td></tr><tr><td>2023</td><td>133</td></tr><tr><td>2024</td><td>199</td></tr></tbody></table>	Tahun	Jumlah Permohonan	2022	19	2023	133	2024	199
Tahun	Jumlah Permohonan												
2022	19												
2023	133												
2024	199												



Jadual 1.5: Bilangan Peratusan Permohonan Yang Di Proses Dalam Tempoh 14 hari

Bil	Perkara	Sebelum Projek	Sasaran / Jangkaan Outcome	Outcome Selepas Projek	
1.	Bilangan Peratusan Permohonan Di Proses Dalam Tempoh 14 Hari	0	80%	100%	BILANGAN PERATUSAN PERMOHONAN MEMERINTI TEMPOL 14 HARI Sebelum Projek: 0% Selepas Projek: 100%
2.	Bilangan Peratusan Permohonan Melebihi Tempoh 14 Hari	100%	20%	0%	

❖ Penjimatan Kos Dan Sumber Manusia

Kos pentadbiran: Dengan pengurangan pekerja yang terlibat, kos operasi berjaya dikurangkan sebanyak **67%**.

Jadual 1.6: Penjimatan Kos Dan Sumber Manusia

Bil.	Elemen	Sebelum Projek	Selepas Projek
1.	Kos Pentadbiran		
	Elaun Emolumen Pekerja (Bayaran Gaji Kakitangan Teknikal)	Tenaga Kerja 6 org x RM2,400.00 (1 bulan) x 12 bulan = RM172,800.00	Tenaga Kerja 2 org x RM2,400.00 (1 bulan) x 12 bulan = RM57,600.00
	Jumlah Penjimatan	RM 115,200.00 setahun (Penjimatan 67%)	
Jumlah Penjimatan Keseluruhan : RM 115,200.00 setahun (Penjimatan 67%)			

❖ Peningkatan Hasil Majlis

Projek ini telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan Majlis sebanyak **RM11 juta** dalam tempoh setahun, hasil daripada peningkatan jumlah permohonan yang diproses dengan lebih cepat dan cekap. Sebanyak **199 permohonan industri** berjaya diproses melalui *System Klang Fast Track Industry* ini, yang menunjukkan peningkatan ketara dalam kecekapan operasi. Sebelum **"Klang Fast Track Industry"** ini digunapakai, jumlah perbelanjaan dan pendapatan pihak jabatan dan Majlis adalah sebanyak RM 83 juta pada tahun 2022 berbanding setelah **"Klang Fast Track Industry"** ini dilaksanakan iaitu **RM 94 juta pada tahun 2023**. Ini menunjukkan peningkatan terhadap pendapatan Majlis sebanyak **11%**. Manakala pendapatan Majlis pada tahun 2024 adalah sebanyak **RM 98 Juta** dan menunjukkan peningkatan sebanyak **15.9%** berbanding tahun 2022.

Jadual 1.7: Peningkatan Hasil Majlis

Bil.	Elemen	Sebelum Projek	Selepas Projek
1.	Fi Pembayaran Kebenaran Merancang	RM 50.00 x 100 meter persegi	RM 50.00 x 100 meter persegi
2.	Penjualan Manual Fast Track	-	1 Manual (RM 100.00) X 199 Permohonan = RM 19,900.00
3.	Pendapatan Majlis Bandaraya Diraja Klang	RM 83 Juta	RM 94 Juta (Tahun 2023) RM 98 Juta Tahun 2024)



❖ Kenaikan Kadar Nilai Pembangunan Kasar (GDV) dan Kenaikan Kadar Pelaburan swasta di Daerah Klang

Jadual 1.8: Peningkatan Kadar Nilai Pembangunan Kasar dan Kadar Pelaburan Swasta

Bil.	Elemen	Sebelum Projek	Selepas Projek
1.	Nilai Pembangunan Kasar (GDV)	RM78,393,889	RM2,137,059,234
2.	Kadar Pelaburan swasta	RM 2,609,714,802	RM 3,900,000,000 (2023) RM 5,240,000,000 (2024)

Sumber: MIDA Selangor dan Jumlah Permohonan KM MBDK

❖ Peningkatan Imej dan Integriti (Moral)

- Penyampaian perkhidmatan yang mudah, tepat dan sistematik.
- Meningkatkan kepuasan pelanggan dan kakitangan.
- Ketelusan data dan maklumat dapat dipertingkatkan.
- Lebih berintegriti dan telus dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.


❖ Peningkatan Tahap Kepuasan Bekerja Kakitangan

Jadual 1.9: Analisis Tahap Kepuasan Bekerja Kakitangan

Bil	Elemen	Keputusan Soalselidik					
		Bilangan Responden	Puas Hati		Tidak Puashati		
			Bil	%	Bil	%	
1.	Kemudahan Akses Sistem	150	138	92	12	8%	
2.	Proses memasukkan data						
3.	Kaedah pemantauan dan pelaksanaan elemen fizikal						

TRANSKRIPSI KURSUS PELAYANAN SISTEM "KILANG FASE TRACK INDUSTRY"

Kategori	Sangat Puas Hati	Tidak Puas Hati
Kemudahan Akses Sistem	138	12
Proses Memasukkan Data	92	8
Kaedah Pemantauan Dan Pelaksanaan Elemen Fizikal	12	8



❖ Peningkatan Kepuasan Pelanggan


Hasil inovasi projek **“Klang Fast Track Industry”**. Berjaya dilaksanakan dan memberi banyak manfaat terutamanya dalam meningkatkan proses kerja dan produktiviti. Penyelesaian ini sekaligus menambahbaik tahap kepuasan pelanggan ketika berurusan dengan pihak Majlis.

Jadual 1.10: Analisis Tahap Kepuasan Pelanggan

Bil	Elemen	Keputusan Soalselidik					
		Bilangan Responden	Puas Hati		Tidak Puashati		
			Bil	%	Bil	%	
1.	Kemudahan Akses Sistem	70	69	99	1	1	
2.	Proses memasukkan data						
3.	Kaedah pemantauan dan pelaksanaan elemen fizikal						

PERMUDAHAN TAKLAAP KEPULSAHAN BERKUALITI DAN PEHAK BIKERKEPENTINGAN

Kategori	Puashati (Bil)	Tidak Puashati (Bil)
Kemudahan Akses Sistem	69	1
Proses Memasukkan Data	69	1
Kaedah Pemantauan Dan Pelaksanaan Elemen Fizikal	69	1





❖ Idea yang Kreatif dan Inovatif

“Klang Fast Track Industry” merupakan satu inisiatif Majlis dalam penambahbaikan prosedur kerja untuk **mempercepatkan proses permohonan dan pemberian kelulusan Kebenaran Merancang bagi Pembangunan Perindustrian di Klang**. Inisiatif yang diwujudkan adalah satu Manual Prosedur Atau Proses Kerja Permohonan Kebenaran Merancang ‘Fast Track’ Industri dan Sistem Pemantauan Bersama (*Self Tracking*), **CEPAT, MUDAH, TELUS DAN EFISIEN** di mana ianya berjaya dalam mengatasi isu kelewatan dan mengambil masa yang lama untuk memproses permohonan dan pemberian kelulusan Kebenaran Merancang sekali gus mewujudkan ekosistem yang Mesra Perniagaan dan Pelaburan (*Business Friendly*). Antara keunikan ‘Klang Fast track industry’ di dalam mengimplementasi idea yang kreatif dan inovatif ini bagi mendapat impak yang menyeluruh dan boleh digunapakai oleh pelbagai pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

- Proses kerja yang cepat dan mudah
- User Friendly*
- Peningkatan integriti*
- Progress pelaksanaan secara berkala
- Real data*
- Perkongsian data dengan pihak-pihak berkepentingan pemilik tanah dan pemaju.

11.0 PENEKANAN ASPEK KELESTARIAN POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

11.1 KELESTARIAN

Projek inovasi **“Klang Fast Track Industry”** yang dibuat ini adalah selaras dengan halatuju Majlis Bandaraya Diraja Klang di dalam memperkasakan **“Sustainable Development Goals”** antara matlamat penerapan yang berkaitan di dalam **“Sustainable Development Goals”** yang digunakan adalah:



12.0 PENGEMBANGAN INOVASI

Projek ini bukan sahaja berpotensi untuk diteruskan di Klang, tetapi juga boleh diperluaskan ke bandar-bandar lain di Malaysia yang menghadapi masalah yang sama dalam proses kelulusan Kebenaran Merancang. Dengan pengintegrasian teknologi yang lebih canggih seperti **AI** dan **blockchain**, sistem ini boleh menjadi model bagi bandar-bandar lain untuk mengurangkan birokrasi dan mempercepatkan pembangunan industri. Selain itu juga, pihak Majlis akan membuat pemantauan audit secara berkala terhadap ketelusan penggunaan sistem ini kepada pengguna dan membuat pemantauan tahap kepuasan pengguna dalam menggunakan pakai sistem ini. Perincian berkaitan perkara ini seperti di **lampiran 9**.



13.0 PENGIKTIRAFAN

Kumpulan telah memperolehi beberapa pengiktirafan di peringkat Majlis, Negeri dan Antarabangsa dan pihak agensi luar merujuk lampiran 11

14.0 PENUTUP

Projek "**Klang Fast Track Industry**" telah terbukti berjaya dalam meningkatkan **kecekapan pentadbiran** serta menarik lebih banyak **pelaburan** ke Klang. Inovasi ini bukan sahaja memberi kesan positif kepada ekonomi tempatan, tetapi juga menyokong matlamat negeri Selangor untuk membangunkan kawasan industri yang mampan dan cekap. Dengan potensi untuk diperluaskan ke bandar-bandar lain, projek ini berpotensi menjadi model perkhidmatan perbandaran di Malaysia dan memberi sumbangan kepada pembangunan negara secara keseluruhan. Inisiatif "**Klang Fast Track Industry**" sangat membantu dalam mempercepatkan proses permohonan Kebenaran Merancang dengan cara yang **cepat, mudah, telus, dan efisien**. Tempoh kelulusan untuk Kebenaran Merancang dapat dipendekkan dari **57 hari** kepada hanya **14 hari**. Penambahbaikan ini meningkatkan keyakinan pelabur, perunding, pemilik tanah, dan pemain industri terhadap Majlis Bandaraya Diraja Klang, yang seterusnya dapat menarik lebih banyak **pelaburan baru atau tambahan** di Klang, sekali gus merangsang ekonomi Negeri Selangor dan negara.

Manual permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' Industri ini juga digunakan sebagai alat promosi oleh agensi **penggalak pelaburan** seperti MIDA dan Invest Selangor untuk menarik pelabur masuk ke kawasan Majlis Bandaraya Diraja Klang. Pengumpulan data permohonan Kebenaran Merancang secara berpusat dan digital dapat mempermudah proses kerja, meningkatkan kecekapan kakitangan, dan memudahkan perkongsian maklumat dengan pihak ketiga seperti perunding, pemilik tanah, dan pemain industri untuk menyemak status permohonan mereka. Selain itu, ini juga penting untuk penambahbaikan mutu perkhidmatan dan kecekapan kakitangan, sekaligus meningkatkan imej Majlis sebagai sebuah bandaraya moden. Inisiatif ini membolehkan Majlis menarik projek-projek besar dan berimpak tinggi yang memberi pulangan pendapatan yang signifikan kepada Majlis.

Kumpulan ini juga berhasrat untuk memperbaiki manual ini secara atas talian bagi memudahkan pelabur, perunding, pemilik tanah, dan pemain industri mengenalpasti kawasan-kawasan industri yang layak menggunakan Manual Permohonan Kebenaran Merancang "Fast Track" Industri tanpa perlu datang ke kaunter Majlis Bandaraya Diraja Klang. Selain itu, perunding, pemilik tanah, pelabur, dan pemain industri boleh membeli manual secara atas talian.



LAMPIRAN 1
SURAT PELANTIKAN KETUA KUMPULAN DAN AHLI KUMPULAN

VISI MBDK

KLANG BANDARAYA DIRAJA DAN WARISAN YANG MAMPAN

MISI MBDK



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
MAJLIS PERBANDARAN KLANG





MEMO

Kepada	En.Mohamad Zalfi Hakai Bin Mohd Zaki En. Dzulkhairi Bin Mohammad Yusoff Cik Aida Syarifah Binti Shafiqi Sukri Cik Nur Syahira Binti Azhaar En.Muhammad Mubli Bin Mohd Faiz	Bit () MPK/WF/106-13/5/1(JFE)
Darpada	Pengerah Perancang Bandar dan Desa	Tarikh: 9 Januari 2022
Perkara	PERLANTIKAN AHLI KUMPULAN BAGI KONVENSYEN MINI KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KK) PERINGKAT MPK JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA	

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Derakusikan bahawa menjadi surat elмира daripada Jabatan Konsultasi Korporat, MPK menyatukan Majlis Perbandaran Klang akan mempergunakan Konvensyen Mini Kumpulan Inovatif & Kreatif (KK) Peringkat MPK.

3. Oleh yang demikian, pihak jabatan telah melantik siapunan untuk mewakili jabatan bagi menyertai konvensyen ini seperti berikut:

Jawatan	Nama	Agensi/Jabatan
Penaung	Tn. Hj Yusaria Binti Mohamed Yusoff	Perancang
Penasihat	Tn. Mohd Fauzi Bin Durrani	Perancang
Fasilitator	Puan Norhayati Binti Mohd Ladin	Perancang
Ketua Kumpulan	En. Mohamed Zalfi Hakai Bin Mohd Zaki	Perancang
Pendiang Ketua	En. Dzulkhairi Bin Mohammad Yusoff	Perancang
Ahli	Cik Aida Syarifah Binti Shafiqi Sukri	Perancang
Ahli	Cik Nur Syahira Binti Azhaar	Perancang
Ahli	En. Muhammad Mubli Bin Mohd Faiz	Perancang

LAMPIRAN 2
LATIHAN DAN KURSUS KONVENSYEN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

[illegible]

MMDK/001-500-52711 (5)

19 Februari 2008

**INFORMASI PEMAHAMAN DAN LATIHAN PEMBUYARAN DAN PEMERKASAAN
INDONESIA DALAM SEKTOR AWAM MELALUI HORIZON BARU MAJUS
SACUDARAYA DIRAJA KLING**

4. Untuk informasi, kendaraan akan disediakan di perkantoran (bali)
Bergabung Sabtu Aduh Sini pada 38 - 21 Februari 2008 (Selasa-Rabu) dan akan
bertolak pada jam 8.00 pagi. Oleh yang demikian, pengantutan kendaraan (jangan
dan seperti Tuntutan Baku Pajajaran akan baik diwarikan.

5. Perintah kuantum dalam konteks ini akan diwarikan dan diwarikan dengan
sistem kuantum.

Sekian

"KOTASELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang bertanggung jawab,


NURUL HUDA SINTI BAHROM
Penasihat Kultural Pengantutan,
Majlis Perbandaran Klang.

Diwarikan dalam 1000



LAMPIRAN 3 PROSESS PEMBANGUNAN INOVASI

FASA PERANCANGAN

Proses pelaksanaan inovasi ini dilaksanakan secara 'In-House' apabila kumpulan E Fastries dibentuk iaitu bermula pada bulan Januari tahun 2022. Penghasilan **projek Manual Permohonan Kebenaran Merancang 'Fast Track' industri** mengambil masa selama **16 minggu** bermula bulan Januari 2022 sehingga April 2022 dengan merujuk kepada rajah seperti berikut:



Rajah 1.1: Pelan Tindakan Pembangunan Projek

Kumpulan E Fastries telah menjalankan kajian yang terperinci bagi mengenalpasti masalah utama yang dihadapi semasa memproses permohonan dan pemberian kelulusan Kebenaran Merancang bagi pembangunan industri. Kumpulan telah mengadakan 'brainstorming' dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk wakil industri, pemaju, agensi dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.

KAEDAH PEMILIHAN PROJEK

Kumpulan telah mengenalpasti 3 senarai pendek masalah iaitu :-



Rajah 1.2 : Senarai Pendek Masalah



Di Dalam menentukan pemilihan projek Kumpulan E Fastries telah membangunkan Matriks Keutamaan dan Teknik 5W1H bagi mendapatkan pemilihan masalah yang paling mungkin. Kumpulan telah memilih satu (1) masalah untuk dijadikan tajuk masalah iaitu **Kelewatan memproses permohonan Kebenaran Merancang** sebagai masalah yang perlu diselesaikan berdasarkan kepada minit mesyuarat Kumpulan Bil 2/2022 bertarikh 28 Januari 2022. (Lampiran 2).

Jadual 1.1: Matriks Keutamaan

BIL	PEMBERAT SENARAI PENDEK MASALAH	X5 PENJIMATAN MASA	X4 BERKAITAN DENGAN MATLAMAT JABATAN	X3 BERKAITAN DENGAN KERJA	X2 MUDAH MENGUMPUL DATA	X1 DALAM KEUPAYAAN KUMPULAN	JUMLAH MARKAH
1.	Pengusaha keliru dengan prosedur permohonan	4x5 20	3x4 12	3x3 9	2x2 4	5x1 5	50
2.	Kelewatan memproses permohonan Kebenaran Merancang	7x5 35	5x4 20	6x3 18	5x2 10	8x1 8	91
3.	Maklumat perancangan yang semakin banyak	7x5 35	5x4 20	4x3 12	4x2 20	6x1 6	81

IDEA INOVASI

Pihak Pengurusan Tertinggi Majlis Bandaraya Diraja Klang sangat mementingkan kecekapan dan mutu perkhidmatan kepada semua pelanggan dan pihak-pihak yang berkepentingan. Oleh yang demikian, projek ini mendapat perhatian yang serius daripada Datuk Bandar dan Pengurusan tertinggi Majlis untuk memastikan isu kelewatan memproses permohonan Kebenaran Merancang industri dapat diatasi. Cadangan penambahbaikan prosedur kerja menyediakan Manual dan membangunkan sistem pemantauan telah mendapat sokongan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Semakan setempat Bil.17/2022 bertarikh 07/09/2022 seperti di lampiran 3. Pembangunan projek ini dilakukan secara inhouse oleh Jabatan Perancang Bandar dan pelaksanaan mengikut proses pembangunan inovasi.



PENJELASAN MASALAH DENGAN TEKNIK 5W1H

Jadial 1.2 : penjelasan masalah menggunakan Teknik 5W1H

WHAT Apakah yang berlaku	Kelewatan memproses Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan di kawasan industri.
WHY Mengapa ia menjadi masalah	Semua permohonan industri diproses menggunakan kaedah dan pendekatan yang sama walaupun telah mempunyai "Master Plan"
WHEN Bila ia berlaku	Semasa permohonan kebenaran merancang industri dikemukakan di kaunter OSC.
WHERE Di mana ia berlaku	Jabatan memperaku Bahagian Kawalan Pembangunan
WHO Siapa yang terlibat	Pengawai yang terlibat dalam memproses pelan Kebenaran Merancang
